

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn di-
Majlis Jamuan Makan Persatuan Guru2 di-Sandakan, Sabah,
pada 22.9.71, jam 8.00 malam

Hari ini ia-lah hari yang ketiga saya berada di-Sabah dan juga lawatan yang pertama saya ka-Sandakan. Saya serta rombongan berasa gembira kerana di-beri sambutan oleh semua golongan di-negeri ini dan juga mengucapkan terima kaseh kepada kedua2 persatuan guru di-Sandakan yang dapat mengatorkan jamuan yang lazat ini.

Terlebeh dahulu saya memuji usaha baik anjoran bersama ia-itu Persatuan Guru2 Kerajaan Sabah dan Sabah Teachers Union kerana dapat mengatorkan jamuan ini. Kerjasama ini saya sifatkan dan anggap satu tanda yang baik bagi merapatkan lagi kedua2 persatuan untuk menchapai satu tujuan. Ada-lah menjadi harapan saya untuk melihat kerjasama yang erat pada malam ini akan terus berkekalan dan menyeru guru2 memberikan kerjasama kepada kakitangan2 Jabatan Pelajaran Sabah dan Kementerian Pelajaran negara kita.

Saperti yang kita sama2 ketahui kerajaan baru sahaja melancharkan rancangan Malaysia Kedua, dengan menitek beratkan dasar ekonomi baru-nya dengan tujuan hendak membaiki taraf hidup raayat, tanpa mengira keturunan dan keperchayaan mereka terutama sekali golongan yang kurang bernasib baik atau the 'have-nots'. Oleh itu, saya menggesa guru2 memberikan kerjasama dalam sebarang tindakan kerajaan supaya chita2 mulia ini akan terchapai dan di-bidang pelajaran pula kita dapat membasmi buta huruf. Bertugas-lah dengan penoh dedikasi dan jujur demi kepentingan bangsa dan negara.

Saya ketahui bahawa negeri Sabah dan negeri2 lain di-Malaysia ini mengalami kekurangan guru lebeh2 lagi di-perengkat Sekolah Menengah. Kementerian saya mengatorkan beberapa rancangan bagi mengatasi masaalah ini saperti meminjamkan guru2 Malaysia Barat mengajar di-sini. Mengenai hal ini, suka saya menegaskan bahawa Kementerian Pelajaran sedia membantu atas kadar sementara menunggu-kan kechukupan anak2 tempatan mengisi kekurangan jawatan guru yang ada pada masa ini.

Saya juga tertarek hati di-atas usaha kerajaan Sabah dengan Yayasan Sabah-nya yang telah menghantar anak2 bumiputera melanjutkan pelajaran ka-Malaysia Barat, sama ada belajar di-Sekolah2 Menengah atau di-Pusat2 Pengajian Tinggi yang lain. Bagi diri saya, suka saya menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran bersedia memberi kerjasama dalam hal ini.

Di-dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, Kementerian Pelajaran mempunyai beberapa tujuan dasar yang hendak di-chapai. Tujuan2 yang di-maksudkan satu daripada-nya ia-lah untuk

melaksanakan sa-peringkat demi sa-peringkat penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di-sekolah2 dan juga untuk merapatkan jurang perbedzaan tentang peluang2 pelajaran di-antara raayat berbilang bangsa sama ada mereka tinggal di-Malaysia Barat mahu pun di-Malaysia Timor dan di-samping itu juga untuk menyatukan sistem pelajaran di-negeri2 Malaysia dengan sistem kebangsaan kita. Apabila ini semua dapat di-chapai, maka dasar pelajaran kebangsaan kita akan berjalan dengan lichin dan lebeh berkesan lagi.

Guru2 juga di-minta menanankan semangat taat setia yang tidak berbelah bagi kapada negara ini dan juga mengujudkan satu semangat kebangsaan di-kalangan jenerasi muda. Pada saya hanya guru2-lah dengan kerjasama ibu2 bapa dapat mengujudkan chita2 ini peringkat demi peringkat untuk kebaikan Malaysia seluroh-nya. Kita mahu melihat tidak berapa lama lagi raayat negeri ini hanya akan berchakap dan berfikir sebagai sa-orang raayat Malaysia, bukan-nya sebagai sa-orang Melayu, China, India, Dayak, Kadazan, Malanau dan sebagainya. Kalau ini dapat kita sempurnakan, maka saya yakin dan perchaya sepenoh-nya masa depan negara kita akan bertambah makmur dan menjadi satu tempat yang baik di-diami oleh semua lapisan masharakat Malaysia.

Akhir kata, saya mengharapkan kerjasama guru2 sakalian agar dasar pelajaran kebangsaan kita ini akan berjalan dengan lichin dan memberi sumbangan yang baru kapada perpaduan muhibbah demi kemaamoran Malaysia pada masa2 yang akan datang.



No. Siri 72
No. Penerimaan 72/80